

1 November 2010 (Isnin)

Jawatan KSN bukan hanya kepada PTD

KUALA LUMPUR 1 Nov. - Jawatan Ketua Setiausaha Negara (KSN) tidak terhad kepada Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) sebaliknya merupakan jawatan khas di bawah Perkara 144(3) Perlembagaan Persekutuan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, jawatan KSN boleh diisi oleh pegawai dari mana-mana skim perkhidmatan atas perakuan Perdana Menteri dan mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong. "Ia bukan jawatan naik pangkat. Secara umumnya, pelantikan ke jawatan-jawatan strategik seperti ini dibuat dengan mengambil kira kepakaran, prestasi, pengalaman dan daya kepimpinan pegawai. "Ia turut mengambil kira kepentingan negara dan perkhidmatan awam keseluruhannya," katanya sewaktu menggulung perbahasan Bajet 2011 peringkat Jabatan Perdana Menteri di Dewan Rakyat hari ini. Mengenai jawatan Ketua Setiausaha (KSU) kementerian, Mohamed Nazri berkata, pelantikannya berdasarkan pelan kerjaya yang teliti serta terancang selain dinilai melalui daya kepimpinan, pengalaman dan prestasi kerja yang cemerlang serta kesesuaian penempatan.

Katanya, penilaian yang dilaksanakan adalah relevan dengan kehendak 'pemegang saham' dan tuntutan masyarakat yang mengharapkan agar sistem penyampaian perkhidmatan awam mengalami satu lonjakan tambah nilai dan fleksibel di arena globalisasi. "Berasaskan konsep 'orang yang betul untuk tugas yang sepatutnya dan nilai untuk wang', Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah melaksanakan kaedah pinjaman, pertukaran sementara dan pertukaran tetap bagi pegawai-pegawai daripada pelbagai skim perkhidmatan untuk mengisi jawatan strategik sehingga ke peringkat ketua jabatan," katanya. Sementara itu, beliau berkata, sehingga 25 Oktober lalu, seramai 516 penjawat awam wanita dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan menyandang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) dan Gred Khas. Katanya, jumlah itu tidak termasuk perkhidmatan polis, tentera, kerajaan negeri, badan-badan berkanun Persekutuan dan negeri serta pihak berkuasa tempatan (PBT). Beliau berkata, seramai tujuh penjawat awam wanita berada dalam kategori Turus III, diikuti JUSA A (13), Khas A (8), JUSA B 46, Khas B (54) JUSA C (177) dan Khas C (211). "Seramai 115 daripada mereka adalah PTD manakala 401 lagi bukan PTD," katanya.

2 November 2010 (Selasa)

TNB beli elektrik KUB-Berjaya

KUALA LUMPUR 2 Nov. – Tenaga Nasional Bhd (TNB) bersetuju untuk membeli elektrik daripada KUB-Berjaya Energy Sdn. Bhd. bagi tempoh 21 tahun pada kos anggaran kira-kira RM1.84 juta setahun. Kedua-dua pihak memeterai Perjanjian Pembelian Tenaga Boleh Diperbaharui (REPPA) hari ini di mana TNB akan membeli elektrik yang dijana daripada projek janakuasa tenaga boleh diperbaharui kecil yang dimajukan oleh KUB-Berjaya Energy, di bawah program Kuasa Tenaga Boleh Diperbaharui Amat Kecil (VSREP). Program berkenaan dilancarkan oleh kerajaan pada Mei 2001 bagi menggalakkan penjanaan kuasa tenaga boleh diperbaharui dan bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

Pemeteraian berkenaan menandakan sokongan berterusan TNB bagi kejayaan program ini, demikian menurut syarikat utiliti negara dalam makluman kepada Bursa Malaysia, di sini hari ini. Menurut TNB, janakuasa tenaga boleh diperbaharui dimajukan oleh KUB-Berjaya, yang menggunakan gas metana sebagai bahan api terletak di Bukit Tagar, Selangor dan mempunyai kapasiti eksport 1.0 megawatt. Pemeteraian REPPA tidak akan memberi sebarang kesan terhadap modal berbayar dan terbitan atau pendapatan serta aset bersih kumpulan TNB atau pemegangan sahamnya atau pemegang saham yang besar.

2 November 2010 (Selasa)

PjH bina fasa kedua Putrajaya

PUTRAJAYA 2 Nov. – Putrajaya Holding Sdn. Bhd. kini dalam peringkat fasa kedua pembangunan Putrajaya. Projek pembangunan bertempoh lima tahun arah menjadikan Pusat Pentadbiran Persekutuan itu sebagai bandar bertenaga. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Azlan Abdul Karim berkata, projek yang dianggarkan bernilai RM1.14 bilion itu membabitkan pembinaan pusat perniagaan di sepanjang kawasan pulau di Presint 2 hingga 4. Ia membabitkan pembinaan ruang pejabat, kompleks perniagaan, hotel, institusi pendidikan serta pusat rekreasi dan hiburan, tambah beliau. Ini termasuk pembinaan pusat antarabangsa di Presint 8 yang mampu menarik lebih ramai pelabur dan pelancong asing, jelasnya.

“Pembinaan projek fasa kedua ini turut memberi fokus untuk membangunkan lebih banyak kawasan kediaman berkualiti kepada orang awam dan tidak hanya membina kuarters untuk kakitangan kerajaan. “Perancangan pembinaan ini adalah bagi menjadikan Putrajaya sebagai tempat bandar terancang dan selamat yang dilengkapi sistem pengangkutan dan telekomunikasi yang efisien,” katanya. Beliau berkata demikian ketika sesi lawatan media ke beberapa tapak projek pembinaan PjH di sekitar Putrajaya hari ini. Dalam pada itu, Azlan berkata, empat bangunan kerajaan iaitu bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah kini sedang dalam pembinaan.

2 November 2010 (Selasa)

Sampai bila isu sampah di Kuarters LKIM selesai?



Mohd. Izzham Faruza menunjukkan sampah sarap di hadapan kuarters LKIM dan Kompleks Kastam Mersing Jalan Jemaluang, semalam. - UTUSAN/RAHIMAH MOHAMED

MERSING 2 Nov. - Seramai 25 kakitangan termasuk pegawai Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang tinggal di Kuarters LKIM di Jalan Jemaluang di sini merungut ekoran kelewatan pihak bertanggungjawab memungut sampah sejak beberapa bulan lalu. Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan Mersing, Mohd. Izzham Faruza Mohd. Nazur berkata, masalah tersebut semakin merimaskan sehingga menjejaskan aktiviti harian mereka. "Selain terlewat memungut sampah, kadangkala sampah tidak diangkat berminggu-minggu menyebabkan bau busuk mengganggu penduduk," katanya semasa ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Lebih menyedihkan, tong sampah yang disediakan tidak mencukupi dan mereka pernah memohon agar tong sampah lama yang pecah digantikan baru kira-kira empat bulan lalu, namun, hingga kini tiada sebarang tindakan diambil. Menurutnya, tong sampah sedia ada tidak mencukupi kerana dikongsi bersama penghuni Perumahan Kastam termasuk kakitangan Kompleks Kastam Mersing. "Jika sebuah tong sampah dikongsi dua kuarters, melimpahlah muatan tong berkenaan, kini tong sampah terbabit pecah menyebabkan sampah bertaburan di tepi jalan," katanya. Lebih memalukan apabila orang ramai yang ingin berurusan di Kompleks Kastam terpaksa menghidu bau busuk dari tempat pembuangan sampah itu kerana ia terletak di bahu jalan utama.

Justeru, Mohd. Izzham meminta masalah tersebut diatasi segera oleh pihak yang berkaitan kerana ia membabitkan kebersihan persekitaran tempat tinggal mereka. Sementara itu, pihak Southern Waste Management (SWM) Environment Sdn. Bhd., yang mengakui masalah tersebut menyatakan pihaknya tidak dapat menyediakan tong sampah baru pada masa ini kerana jumlah yang amat terhad. Pentadbir Cawangan SWM, Azmi Md. Yatimi, 48, berkata, setakat ini lebih 10 premis meminta penggantian tong yang baru namun, tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan bekalan. "Jadi, bagi memudahkan kerja, kami menyediakan tong sampah di setiap tempat untuk kegunaan orang ramai. Setiap tong sampah yang sudah uzur akan digantikan dengan tong baru bernilai RM700," jelasnya. Bagaimanapun, beliau berjanji untuk mengatasi masalah berkenaan dengan segera dan berusaha mendapatkan tong sampah yang baru dalam masa terdekat.

3 November 2010 (Rabu)

Parlimen - Harga minimum padi RM750 setan

KUALA LUMPUR 3 Nov. - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan bahawa padi akan dibeli dengan harga minimum RM750 setan walaupun harga pasarnya adalah lebih rendah daripada itu. Menteri, Datuk Seri Noh Omar berkata, selain harga minimum itu, kerajaan juga memberikan subsidi sebanyak RM248 bagi setiap tan padi yang dibeli. "Kerajaan bagaimanapun tidak menetapkan harga maksimum kerana ia berbeza-beza mengikut negeri, sebagai contoh di Selangor pada 2009, harga setan padi ialah RM1,250 manakala pada 2010 harganya RM1,150 sementara di negeri-negeri lain ada yang di bawah RM1,000 setan. "Kerajaan tidak campur tangan dalam harga itu sebab kerajaan tetap beli pada harga yang ditetapkan, ini akan beri faedah kepada petani apabila Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan pihak swasta berlumba-lumba membeli pada harga mahal dan ia menguntungkan petani," katanya. Beliau berkata demikian sewaktu menggulung perbincangan Bajet 2011 peringkat kementeriannya, di Dewan Rakyat hari ini. Menyentuh mengenai potongan 'padi kotor', Noh berkata ia bergantung kepada kualiti padi yang dihasilkan kerana biasanya kadar potongan purata berada pada kadar 15 hingga 17 peratus.

Bagaimanapun beliau mengakui telah menerima rungutan bahawa Bernas membuat potongan 'padi kotor' antara 30 hingga 36 peratus namun bilangan kes itu tidak banyak. "Di Tanjung Karang umpamanya, yang terlibat hanya seorang sahaja, lebih daripada 80 peratus padi dipotong di bawah kadar 20 peratus," katanya. Mengenai cadangan pembukaan Jelapang Padi baru di kawasan Parit, Perak, Noh berkata, ia akan dipertimbangkan walaupun dasar sedia ada tidak menggalakkan perkara itu. Katanya, pertimbangan itu adalah kerana ia berdekatan dengan kawasan penanaman padi bersepadu Seberang Perak. "Tetapi ini bergantung kepada kementerian untuk tentukan sama ada ia berpotensi atau tidak," katanya.

3 November 2010 (Rabu)

Parlimen - Kecoh Kementerian Pertahanan gulong perbahasan bertulis

KUALA LUMPUR 3 Nov. - Ketidakhadiran tiga ahli Parlimen yang membangkitkan isu berkaitan Kementerian Pertahanan menyebabkan Timbalan Menterinya, Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad tidak mengguling perbahasan Bajet 2011 peringkat kementerian itu secara lisan. Tiga Ahli Parlimen tersebut ialah **Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading)**, **Dr. Micheal Jeyakumar Devaraj (PSM-Sugai Siput)** dan Datuk Kamarul Baharin Abbas (PKR-Teluk Kemang). Justeru Abdul Latiff menggunakan budi bicaranya untuk menjawab secara bertulis sehingga menimbulkan pertikaian yang dicituskan oleh beberapa Ahli Parlimen pembangkang antaranya **Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah)**, **Chong Chieng Jen (DAP-Bandar Kuching)** dan **Ooi Chuan Aun (DAP-Jelutong)**. Po Kuan yang tidak berpuas hati dengan perkara itu mendesak supaya dikemukakan di bawah peraturan mana seorang menteri dan timbalannya dibolehkan membuat keputusan tersebut. Beliau melahirkan rasa bimbang ia akan menjadi ikutan menteri dan timbalan menteri sekali gus mengganggu fungsi Dewan Rakyat. "Kalau tak cukup masa dia jawab sebahagian saya boleh terima, tapi kalau langsung tidak jawab hanya kerana tiga ahli Parlimen tidak datang, nyatakan peraturan mesyuarat yang mana," soalnya.

Tampil membela Abdul Latiff ialah **Datuk Wira Ahmad Hamzah (BN-Jasin)** yang menyifatkan tindakan menjawab secara bertulis adalah yang terbaik kerana pihak yang bertanya tiada di dalam dewan. Beliau juga mencabar Po Kuan supaya menunjukkan peraturan yang mewajibkan menteri dan timbalannya mesti menjawab soalan sewaktu yang membangkitkan tidak hadir. Po Kuan sebaliknya berdalih akan mengemukakan perkara itu sekiranya Ahmad mengemukakan bukti terlebih dahulu di bawah peraturan mana tindakan Abdul Latiff itu dibolehkan. Beliau yang masih belum berpuas hati terus mendesak Abdul Latiff menjawabnya secara lisan sehingga Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar memintanya berhenti dan tidak membuang masa. Wan Junaidi kemudiannya dengan nada suara yang sedikit tinggi meminta Po Kuan duduk sambil mempersoalkan peraturan mana yang mahu di ikuti Po Kuan kerana mengikut peraturan Dewan, keputusan Yang Dipertuanya adalah muktamad. "Kalau tak setuju ada Peraturan 43, keluarkan usul, kita boleh terima lepas itu kita buat keputusan. "Keputusan saya ini (budi bicara menteri) pernah diamal di Dewan Rakyat sebelum ini bahawa tidak perlu jawab kalau yang bertanya tiada, kalau itulah pendirian timbalan menteri saya kena terima sebab saya tidak boleh paksa," katanya.

7 November 2010 (Ahad)

Atasi pencemaran Sg. Sarawak

Oleh SOPI SAMAILE utusansarawak@utusan.com.my

KUCHING 7 Nov. – Kerajaan negeri berusaha meningkatkan semula kualiti air Sungai Sarawak dengan mengatasi masalah pencemaran yang berlaku di sungai tersebut menerusi kerjasama Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Menteri Perumahan dan Pembangunan Bandar Sarawak, Datuk Seri Abang Johari Tun Abang Openg berkata, untuk tujuan tersebut Jawatankuasa Pengurusan Sungai Sarawak diwujudkan bagi memantau usaha memastikan kualiti serta kebersihan Sungai Sarawak terus terpelihara. Menurutnya, jawatankuasa tersebut akan dipengerusikan bersama oleh beliau dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas. "Projek pembersihan itu yang dijangka menelan belanja besar akan dilaksana bersama Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

“Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada pencemaran Sungai Sarawak ialah anak-anak sungai yang tercemar dan kita juga telah kenal pasti sungai terbabit di negeri ini iaitu Sungai Padungan, Sungai Gersik, Sungai Bedil, Sungai Maong, Sungai Sinjan dan Sungai Kudei,” katanya. Beliau sebelum itu merasmikan Masjid Darul Ibadah Kampung Kudei, Jalan Rubber Barat yang turut dihadiri Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Fadillah Yusof. Abang Johari berkata, bagi Sungai Bintangor pula, ia telah berjaya dibersihkan, namun pada masa ini ia masih menerima sisa-sisa kekotoran daripada Pasar Satok. Katanya, beliau percaya apabila Pasar Satok dipindahkan ke Medan Pasar Satok yang baru kelak, maka kerja-kerja pembersihan anak-anak sungai terbabit dapat dilaksanakan sekali gus boleh mengekalkan kebersihan serta kualiti air Sungai Sarawak.

Dalam perkembangan lain, Abang Johari memberitahu, pihaknya akan bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) dalam mengumpul serta menyeragamkan data para pemohon yang memohon Rumah Mampu Milik di negeri ini. Menurutnya, maklumat tersebut turut dimasukkan ke dalam data Jabatan Perumahan Negara supaya jabatan itu mengetahui jumlah pemohon dari Sarawak untuk rumah jenis berkenaan. “Permohonan untuk Rumah Mampu Milik di Sarawak telah meningkat secara mendadak terutama di bandar-bandar utama seperti Kuching, Miri, Sibu dan Bintulu dan ia disebabkan trend penghijrahan ke bandar oleh penduduk dari kawasan luar bandar. “Maka, data ini kita akan gunakan dalam Jawatankuasa Setinggalan Sifar yang juga dipengerusikan oleh saya sendiri untuk tindakan,” katanya.

7 November 2010 (Ahad)

Ekonomi - Peranan audit perlu dinilai semula

EKORAN krisis ekonomi dan kewangan global yang melanda baru-baru ini, peranan yang dimainkan oleh audit dipersoalkan. Ramai yang menyalahkan juru audit luar kerana gagal memberi amaran akan kemunculan krisis itu. Bagaimanapun perlu ditegaskan bahawa peranan audit tidak gagal sepenuhnya. Kegagalan syarikat-syarikat korporat, yang berkait rapat dengan kegagalan audit, hanya merupakan peratusan kecil daripada ribuan audit yang dijalankan di seluruh dunia saban tahun. Sebenarnya bagi setiap syarikat yang gagal, terdapat puluhan lagi syarikat yang berjaya. Namun malangnya, berita-berita yang negatif sahaja yang mendapat perhatian ramai. Oleh kerana juru audit luar melaporkan kepada jawatankuasa audit, maka peranan yang dimainkannya di peringkat antarabangsa menjadi penting apabila kita membicarakan tentang nilai audit. Penilaian audit luar dianggap amat berguna kepada pengerusi jawatankuasa audit terutama dalam memberi jaminan kepada para pemegang saham bahawa kedudukan dan keputusan kewangan syarikat yang dilaporkan melalui penyata kewangan adalah benar dan adil.

Ini kerana audit merupakan sebahagian daripada rangkaian nilai laporan kewangan, yang boleh meyakinkan pemegang saham bahawa kakitangan, proses dan sistem perakaunan dalaman yang diamalkan menghasilkan maklumat yang dapat dipercayai. Oleh demikian audit membantu pengerusi jawatankuasa audit memenuhi tanggungjawab tadbir urus korporat dan kewajipan berkanun. Di negara kita, tumpuan diberikan terhadap usaha memperbaiki kualiti audit, sekali gus penyata kewangan, bertujuan mempertingkatkan reputasi syarikat dan pasaran. Penubuhan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) pada 1 April 2010 memberi isyarat jelas bahawa badan pengawasan mahu menaiktaraf kualiti audit. Pada masa yang sama, pihak berkepentingan yang lain seperti pemegang saham turut mempertimbangkan tindakan-tindakan yang patut diambil bagi memperbaiki audit dan seterusnya mutu serta kredibiliti penyata kewangan. Ini secara langsung memberi kesan positif kepada reputasi syarikat-syarikat tersenarai. Jadi bagaimanakah audit boleh diperbaiki?

Perbincangan meja bulat bertajuk *Restating the Value of Audit* yang dianjurkan bersama baru-baru ini oleh Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA), telah berjaya mengetengahkan beberapa cadangan bagi mempertingkatkan kualiti audit. Barangkali langkah yang paling asas ialah untuk kembali ke perkara-perkara pokok dan mengamal serta menanamkan nilai-nilai etika yang betul. Terdapat usaha untuk membezakan antara yang betul di sisi undang-undang dan yang betul dari segi moral dan etika. Hal demikian tidak terbatas kepada bidang audit sahaja malahan sektor dan industri yang lain di seluruh dunia. Inilah cabaran sebenar yang dihadapi oleh perniagaan. Disebabkan segala bentuk piawaian adalah berasaskan prinsip, maka mereka yang memiliki prinsip sahaja yang mampu memanfaatkannya.

Ini dijelaskan oleh Pengerusi Eksekutif AOB Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff di sesi meja bulat apabila menyatakan bahawa firma dan juru audit tidak hanya perlu patuh kepada piawaian, tetapi juga mesti menjiwai semangat yang terdapat padanya. Bermakna juru audit mesti mempamerkan sikap skeptis yang profesional di samping berani untuk menegur pihak pengurusan jika mendapati mereka melakukan kesalahan atau menyimpang dari matlamat. Satu lagi langkah penting yang disyorkan ialah untuk menyediakan ganjaran perkhidmatan audit yang sewajarnya supaya juru audit dapat berfungsi dengan berkesan. Nilai laporan audit terletak pada kebebasan juru audit untuk menyuarakan pendapat yang berkecuali. Bayaran khidmat audit di Malaysia adalah terlalu rendah sehingga ia dianggap sebagai bidang yang merugikan dan perlu dibiayai oleh perkhidmatan lain yang disediakan kepada pelanggan yang sama. Dalam keadaan demikian, bagaimanakah sikap berkecuali boleh dicapai?

Pendapat yang objektif dan jujur amat penting kepada pengerusi jawatankuasa audit kerana ia merupakan perspektif bebas yang tidak ternilai berkenaan angka-angka yang disediakan oleh pengurusan. Juru audit juga perlu menyediakan laporan audit yang mencerminkan perihal sebenar perniagaan masa kini yang kompleks lagi rumit. Seperti yang dinyatakan oleh Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG), sebuah badan yang mewakili kepentingan pemegang-pemegang saham, laporan setebal dua muka surat sahaja tidak mencukupi. Mereka yang memiliki kepentingan di dalam syarikat mahukan lebih banyak maklumat tentang prestasi, risiko dan prospek masa kini dan masa depan. Walaupun wujud risiko litigasi, namun syarikat disarankan untuk menerbitkan surat pengurusan yang melangkaui skop pengurusan bagi memberi lebih banyak maklumat yang relevan kepada pihak berkepentingan. Penyediaan surat pengurusan sememangnya mustahak kerana juru audit akan menyenaraikan kelemahan-kelemahan yang terdapat pada kawalan dalaman yang mungkin tidak dimaklumkan kepada pengerusi jawatankuasa audit.

Sementara itu ketakutan terhadap risiko di kalangan firma dan juru audit dilihat sebagai batu penghalang kepada matlamat merealisasikan potensi sebenar nilai audit. Kemungkinan untuk firma diheret ke mahkamah dipercayai sebagai punca utama yang mendorong mereka untuk mengurangkan risiko liabiliti dan litigasi. Oleh itu strategi perlu dikenal pasti bagi mengehadkan liabiliti supaya keupayaan audit dapat dioptimumkan. Jika perubahan-perubahan ini dapat dilaksanakan, maka audit mampu memberi nilai kepada perniagaan serta ekonomi keseluruhannya dengan menyemai rasa percaya dan yakin terhadap penyata kewangan syarikat. Seterusnya, pelbagai manfaat sampingan diwujudkan seperti dapat mendisiplinkan syarikat, mencegah penipuan selain meyakinkan para pelabur, pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain bahawa perniagaan itu mampu bertahan secara berterusan. Justeru, walaupun model audit yang ada pada hari ini mungkin tidaklah seteruk mana, namun ia perlu dipinda.

Penulis adalah Presiden Jawatankuasa Penasihat ACCA Malaysia dan juga Ketua Pegawai Eksekutif PUNB.

9 November 2010 (Selasa)

Lembaga Getah Malaysia bangunkan tanah miliknya di Sungai Buloh

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Lembaga Getah Malaysia (MRB) akan menggunakan laba daripada pembangunan semula tanah utama di kemudahan penyelidikannya di Sungai Buloh untuk merangsangkan lagi industri getah tempatan serta meningkatkan imejnya. Ketua Pengarah MRB, Datuk Dr Salmiah Ahmad berkata, pemodenan kawasan seluas 1,320 hektar milik Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) itu akan membolehkan MRB memodenkan kebanyakan kemudahannya, termasuk makmal yang diperlukan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) canggih. Menerusi rombakan semula itu, MRB akan diperuntukkan 243 hektar untuk aktiviti R&D dan kawasan selebihnya akan dibangunkan semula sebagai sebahagian daripada inisiatif Projek Pembangunan Strategik Greater Kuala Lumpur dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Daripada jumlah keluasan tanah itu, seluas 939 hektar dikhususkan untuk ladang getah, manakala selebihnya akan menempatkan tapak semaian, makmal kajian, kilang tanaman perintis hiliran dan perumahan pekerja serta kemudahan rekreasi. "Kami perlu bergerak seiring peredaran masa, kami perlu menjalankan penyelidikan lanjut dan membantu industri itu untuk terus berkembang," kata Dr Salmiah pada temu bual dengan Bernama.

Mengenai kebimbangan bahawa kemudahan penyelidikan tinggi berusia 85 tahun mungkin hilang jika tanah di Sungai Buloh itu dimajukan, beliau berkata bukan semua kawasan di situ akan dibangunkan semula. Ini disebabkan beberapa kawasan tanah yang ditanami getah sejak beberapa dekad lepas, termasuk dua ekspedisi penyelidikan ke Brazil pada 1981 dan 1991 yang dibiayai Lembaga Pembangunan Penyelidikan Getah Antarabangsa, akan dikekalkan dan diubah menjadi muzium getah hidup. Ia juga merupakan sebahagian daripada sebab Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tidak dibenar diperluas ke Sungai Buloh berdasarkan kewujudan pusat penyelidikan getah itu, yang sekali gus membuka Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang. Dr. Salmiah berkata, menerusi pengumpulan plasma germ (bahan warisan sel germ) menerusi dua ekspedisi ke Brazil, MRB berupaya menghasilkan klon yang mengeluarkan hasil yang tinggi menerusi penyelidikannya sendiri. "Ia sangat bernilai dan kami perlu menjaganya dengan baik," katanya yang menambah, pokok dan penyelidikan yang tidak ternilai harganya itu, boleh dianggap sebagai harta nasional atau khazanah negara memandangkan ia adalah kunci terhadap industri getah Malaysia pada masa akan datang. Oleh itu, beliau berkata, muzium getah hidup akan membolehkan pokok dikekalkan untuk penyelidikan pada masa hadapan.

Bagi melindungi penyelidikan yang dilakukan di Sungai Buloh, Dr. Salmiah berkata, MRB juga memindahkan aktiviti R&D sedia adanya ke empat stesen penyelidikan di Kota Tinggi (Johor), Bukit Kuantan (Pahang), Sungai Sari (Kedah) dan Similajau (Sarawak). Ada antara stesen ini turut menguji klon daripada plasma germ secara berskala tinggi berbanding Sungai Buloh, katanya yang menambah, ini bermakna legasi penyelidikan Sungai Buloh akan terus hidup di empat stesen berkenaan. Mengenai perancangan lain untuk tanah di Sungai Buloh, Dr. Salmiah berkata, MRB mencadangkan untuk memusatkan semua operasinya, termasuk ibu pejabat, yang kini terletak di tiga tapak berlainan di Lembah Klang, ke Sungai Buloh supaya lebih berkos efektif selain mempunyai kemudahan komersial yang berkaitan penyelidikan yang ditingkatkan.

- Bernama

9 November 2010 (Selasa)

Kampus IBS bernilai RM25 juta

Oleh RANIA PARAN utusansarawak@utusan.com.my



ANDY Chia (kiri) menyampaikan sijil kepada pelajar sambil disaksikan oleh Anthony Hii (dua dari kiri), dan Sebastian Ting pada Majlis Konvokesyen Ke-8 Kolej IBS, baru-baru ini.

MIRI 9 Nov. - Projek pembinaan kampus Institut Brem Sarawak (IBS) bernilai RM25 juta kini dalam perancangan yang akan menyediakan pelbagai kemudahan pembelajaran lebih berkualiti untuk pelajarnya. Pengetua

dan Presiden Kolej IBS, Anthony Hii memberitahu, projek itu akan dilaksanakan dalam tiga fasa melibatkan pembinaan kemudahan rekreasi dan sukan. "Kecemerlangan IBS adalah keutamaan kami. Ini bermakna kecemerlangan untuk kelas, perpustakaan, makmal, sukan dan pentas persembahan. "Pada hari ini saya mengumumkan yang kita akan membina kampus di sini yang menyediakan suasana pembelajaran dan kemudahan terbaik untuk pelajar kita," jelasnya pada Majlis Konvokesyen Ke-8 Kolej IBS pada Sabtu lalu.

Beliau memberitahu, kolej itu juga akan menawarkan program pengesahan BTEC Higher National Diploma (HND) yang mendapat pengiktirafan daripada Edexcel United Kingdom. Seramai 138 graduan telah menamatkan pengajian Diploma Program Perniagaan termasuk Ijazah dan Sarjana Luar Kampus yang ditawarkan oleh rakan universiti serta tamat Program Pengurusan Eksekutif. "IBS akan terus memainkan peranan meningkatkan kualiti hidup penduduk Miri. Kecemerlangan akademik dan kejayaan pelajar merupakan keutamaan IBS," jelas Anthony. Beliau memberitahu, selain kecemerlangan akademik, pelajar dan kakitangan turut terlibat dalam kecemerlangan sosial seperti bergiat dalam aktiviti kebajikan untuk masyarakat. Katanya, para pelajar dan kakitangan turut terlibat dalam kempen derma darah, mengumpul derma untuk mangsa bencana gempa bumi di China, membantu warga emas dan orang buta serta menderma untuk mangsa gunung berapi di Indonesia. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pujut, Andy Chia dan Setiausaha Politik kepada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Sebastian Ting turut hadir menyampaikan sijil kepada pelajar.

10 November 2010 (Rabu)

Air bersih: Rakyat Kelantan perlu tunggu 17 tahun lagi?

KOTA BHARU 10 Nov.- Rakyat negeri ini terutama di kawasan luar bandar terpaksa menunggu selama 17 tahun lagi untuk menerima bekalan air bersih sepenuhnya. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerjaraya, Utiliti dan Alam Sekitar negeri, Mejar (B) Datuk Md. Anizam Abdul Rahman berkata, kerajaan negeri melalui syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) sedang berusaha bagi memastikan bekalan air bersih dapat disalurkan ke seluruh negeri dalam tempoh tersebut. "Kerajaan memang bercadang membekalkan seluruh Kelantan dengan air bersih pada tahun 2027," katanya ketika menjawab soalan **Abdul Halim Abdul Rahman (Pas-Chetok)** pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini. Terdahulu, Abdul Halim dalam soalnya meminta Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyatakan sama ada kerajaan Pas Kelantan bercadang untuk menyediakan bekalan air bersih di setiap kampung di negeri ini dan bila masalah tersebut akan dapat diselesaikan.

Masalah bekalan air yang berlaku di negeri ini bukan isu baru dan ia telah berlarutan sejak 20 tahun lalu biarpun Kerajaan Persekutuan telah memberikan bantuan kewangan lebih RM500 juta kepada kerajaan Pas Kelantan. Sebelum ini, kerajaan Pas Kelantan telah membuat pelbagai kenyataan selepas diasak oleh pelbagai pihak ekoran kegagalan mereka untuk menguruskan air di negeri ini. Pada 4 September 2003, AKSB dilaporkan memberi jaminan bahawa semua masalah berkaitan bekalan air di negeri ini akan dapat diselesaikan sepenuhnya menjelang Oktober 2004. Pengurus Hal Ehwal Pelanggan AKSB ketika itu, Nik Raihan Abd. Rahman berkata, masalah seperti tekanan air rendah dan kualiti air yang berkarat akan dapat diatasi dalam tempoh berkenaan. Tiga tahun kemudian, pada Sidang DUN 14 November 2006, Md. Anizam dilaporkan berkata, kerajaan Pas Kelantan menjangkakan seluruh rakyat akan dapat menikmati bekalan air bersih sepenuhnya pada 2010.

Beliau pada 22 Mei tahun lalu sekali lagi menyatakan bahawa AKSB sedang mengenal pasti kawasan yang mengalami tekanan air rendah terutama di kawasan pedalaman untuk dibina pam air yang diimport dari Denmark. Sementara itu, ketika menjawab soalan Muhammad Mustafa (Pas-Demit), Md. Anizam berkata, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM36.9 juta pada tahun lalu untuk membina kemudahan kepada rakyat seperti pembinaan masjid, jalan, membina dan memperbaiki rumah. "Bagi membina dan memperbaiki jalan kampung, pada 2008 kerajaan negeri memperuntukkan RM10 juta; 2009 (RM10 juta) dan 2010 sebanyak RM10 juta. "Kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan rakyat, sebagai contoh semalam kita menambah peruntukkan sebanyak RM2 juta untuk memperbaiki jalan kampung," katanya.

10 November 2010 (Rabu)

MB ulas laporan Ketua Audit Negara

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 10 Nov. - Kerajaan negeri hari ini menjelaskan usaha telah dilakukan untuk membuka segera kawasan pelupusan sampah yang baru dekat Sendayan seluas 40.5 hektar bagi menampung lambakan maksimum di dua kawasan sedia ada. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, pengambilalihan tanah itu melibatkan kawasan estet berhampiran juga di peringkat akhir perbincangan dan ia dibuka segera berikutan kedudukannya berhampiran Kualiti Alam Sdn. Bhd. (Waste Management Center), Bukit Pelanduk, Port Dickson. "Kerajaan negeri membuat keputusan mengambil alih tanah 40.5 hektar, di mana menggantikan pusat pelupusan sampah di Mantin dan Bukit Palong, Port Dickson yang sudah sampai ke tahap maksimum," katanya selepas mempengerusi mesyuarat Exco di Wisma Negeri di sini, hari ini. Beliau yang mengulas Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009 juga memberitahu, memang menjadi agenda utama kerajaan negeri menyelesaikan kawasan pelupusan sampah ini dengan segera.

"Kita ajukan permohonan melalui Mesyuarat Perumahan Negara supaya diberikan peruntukan untuk mendirikan Pusat Pelupusan Sampah Secara Berteknologi Tinggi sama ada menggunakan insinerator, mahupun teknologi lain. "Sudah sampai masanya, pelupusan cara tradisional tidak lagi digunakan dan berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air segera membuat keputusan bentuk teknologi yang hendak digunakan dalam kaedah pelupusan sampah ini," katanya. Katanya, jika apa juga teknologi yang hendak dipakai itu diputuskan Kerajaan Pusat, kerajaan negeri sedia menerimanya dan ia dibangunkan di kawasan seluas 40.5 hektar itu. "Memang berlaku pembakaran sampah ini, tetapi apa yang kita hendak lihat adalah apa yang berlaku selepas itu sama ada bahan berkenaan dikitar seperti batu bata, baja mahupun tenaga," katanya.

Sementara itu, Mohamad juga mengulas Laporan Ketua Audit Negara berhubung ketidakupayaan Yayasan Negeri Sembilan (YNS) menguruskan bayaran balik pinjaman di kalangan pelajar. "Saya ingin menegaskan tidak berlaku pengurusan yang tidak baik dalam YNS terutama dalam aspek dapatkan balik pinjaman kepada pemohon sebelum ini. "Kita melantik 10 panel peguam untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam yang liat ini. Saya minta ibu bapa mahupun pelajar yang sudah tamat belajar dan bekerja, bayarlah balik pinjaman ini. "YNS melakukan pelbagai cara untuk memburu peminjam ini, apatah lagi wang tersebut penting kerana ia merupakan dana pusingan yang membantu mereka memerlukannya," katanya. Mengenai Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water*) sebagaimana yang dilaporkan Ketua Audit Negara terhadap Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Mohamad berkata, kerajaan negeri meletakkan sasaran pengurangan sebanyak 35 peratus menjelang 2015.

"Paip air banyak yang pecah dan lama kerana berusia lebih 40 tahun. Selain itu, berlaku kecurian air dan bacaan meter tidak tepat. Ini antara berlakunya NRW," katanya. Kata Mohamad, program penggantian paip dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) adalah RM56 juta, sedangkan keperluan keseluruhan bagi tujuan berkenaan adalah melebihi RM800 juta. "Selain itu, penggunaan meter lama turut menyumbang kepada NRW dan kerajaan menggantikan 25,000 unit meter baru. Kerajaan meluluskan tender terbuka bagi menggantikan 55,000 lagi meter air berkenaan. Terdapat 500,000 meter lama yang perlu diganti segera. "Meter lama menunjukkan bacaan kurang tepat dan sebab itulah perolehan komersial tidak dapat dibuat. Tidak berlaku kenaikan tarif air, sebaliknya meter baru yang digunakan itu menunjukkan bacaan tepat, selepas sekian lama meter lama berfungsi secara tidak betul," katanya.

19 November 2010 (Jumaat)

Nekmat mahu kekalkan sistem

Oleh RODELIO JUNJUN TAUCAN rodelio.taucan@utusan.com.my

KOTA BHARU 19 Nov. – Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) menolak cadangan Persatuan Nelayan Laut Dalam Kelantan (PNLDK) yang menyarankan kerajaan kembali kepada sistem lama pengagihan diesel subsidi membabitkan beberapa agensi kerajaan bagi mengelak berlakunya penyelewengan. Pengerusi Nekmat, Mohamad Dolmat berkata, dakwaan bahawa penggunaan diesel subsidi meningkat kepada 180 juta liter diesel dalam tempoh tiga bulan pertama Nekmat mengambil alih juga tidak benar kerana penggunaan bahan bakar itu di seluruh negara sebenarnya hanya kira-kira 100 juta liter sebulan. Katanya, jumlah itu lebih menjimatkan jika dibandingkan sistem lama yang membabitkan 47 syarikat pengendali dengan purata penggunaan diesel bersubsidi ketika itu adalah kira-kira 140 juta liter sebulan.

Justeru katanya, sistem yang ada sekarang perlu dikekalkan kerana melaluinya, kerajaan berjaya menjimatkan kira-kira 480 juta liter diesel setahun membabitkan kos sekurang-kurangnya RM240 juta. "Sebenarnya apa yang dinyatakan oleh PNLDK adalah tidak tepat sama sekali kerana sejak Nekmat mengambil alih pada 2006, penggunaan diesel subsidi hanya 71 liter sebulan di Semenanjung Malaysia. "Sistem yang digunakan kerajaan sekarang paling tepat. Jika kita tambah jumlah diesel subsidi yang digunakan di Sabah dan Sarawak jumlahnya 100 juta liter dan dengan subsidi sebanyak RM0.50 setiap satu liter, ini bermaksud kerajaan mampu menjimatkan sekurang-kurangnya RM240 juta setahun," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini. Utusan Malaysia semalam melaporkan kenyataan Pengerusi PNLDK, Datuk Nik Sapeia Nik Yusoff yang mencadangkan kerajaan kembali kepada sistem lama kerana dikatakan lebih efisien dan menjimatkan.

Nik Sapeia dilaporkan berkata, sejak Nekmat mengambil alih tugas untuk membekalkan diesel kepada nelayan kira-kira lima tahun lalu, jumlah bahan bakar bersubsidi itu meningkat secara mendadak. Malah dakwanya, sistem yang digunakan pada masa kini amat terdedah kepada penyelewengan kerana ia tidak dipantau secara dekat oleh agensi kerajaan. Menafikan dakwaan itu, Mohamad berkata, Nekmat tidak pernah mengabaikan pemantauan pengagihan diesel bersubsidi malah kerjasama erat telah terjalin dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di setiap negeri dan beberapa agensi penguat kuasa. Tegas beliau, penggunaan sistem kad pintar e-diesel oleh setiap penerima subsidi juga amat berkesan dan memudahkan mana-mana pihak yang melakukan penyelewengan disenarai hitam melalui Internet. "Hasil kerjasama ini, sebanyak enam buah pusat jualan runcit yang tidak mematuhi peraturan telah ditutup dan 350 pemegang kad e-diesel telah digantung yang semuanya dilakukan melalui sistem Internet. "Nekmat tidak menafikan memang ada berlaku ketirisan tetapi dengan mekanisme baru ini kita dapat mengesan melalui kawalan serta pemantauan yang dilakukan LKIM melalui Jawatankuasa Pemantauan yang ada di setiap negeri," tegasnya.

22 November 2010 (Isnin)

Angkasa nafi penyelewengan RM6.4j

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) hari ini menafikan tuduhan kononnya terdapat penyelewengan wang sebanyak RM6.4 juta yang dilakukan ahlinya. Presiden Angkasa, Prof. Datuk Dr. Mohd. Ali Baharum menyifatkan dakwaan membabitkan lapan ahli anggota Jawatankuasa Kerja Tertinggi (JKT) Angkasa itu sebagai tidak berasas dan mempunyai agenda tertentu. Tegasnya, tohmahan itu juga dilakukan tanpa usul periksa dan dengan niat jahat untuk mencemarkan nama baik Angkasa dan barisan kepimpinannya agar pihak-pihak tertentu boleh mengambil kesempatan. "Saya menafikan sekeras-kerasnya dakwaan yang dibuat oleh Pengerusi Rangkaian Sahabat Dungun (Kerabat), Datuk Seri Noor Zainan Zainul terhadap Angkasa. "Dakwaan ini adalah tidak berasas dan ia dilakukan tanpa usul periksa, bertujuan mencemarkan nama baik Angkasa," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat Angkasa dekat sini.

Baru-baru ini sebuah akhbar melaporkan dakwaan Noor Zainan berhubung 27 penyelewengan yang dilakukan lapan individu terbabit sejak Disember lalu dengan menggunakan wang Angkasa untuk pelbagai perkara. Mohd. Ali berkata, dakwaan lain yang telah dibuat adalah mengenai elaun tahunan tetap sebanyak RM300,000 pada setiap ahli JKT selain penambahan peruntukan RM500,000 bagi Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa yang sepatutnya hanya RM1.5 juta, tetapi telah digunakan sebanyak RM2 juta. Jelasnya, setiap elaun yang diterima oleh ahli JKT adalah mengikut kerja dan peranan yang dimainkan di dalam Angkasa dan tiada elaun tetap seperti yang didakwa. Malah katanya, peruntukan RM2 juta yang digunakan pada persidangan itu telah mendapat kelulusan SKM dan ia tidak wajar dipersoalkan.

"Mustahil kita akan mendapat wang atau elaun tanpa kelulusan SKM dan mesyuarat. Kita juga mempunyai bukti untuk menafikan dakwaan ini kerana semua bukti yang melibatkan keluar masuk wang disimpan dengan baik sekiranya kes seumpama ini berlaku," katanya. Ditanya mengenai tindakan yang dikenakan kepada Noor Zainan dan Mustapa, beliau berkata mereka telah dilucutkan hak untuk menyertai mana-mana persidangan kebangsaan, negeri atau mesyuarat Angkasa masing-masing selama tempoh tiga dan lima tahun bermula dari 25 Ogos lalu.

23 November 2010 (Selasa)

SPRM buka fail rasuah, curi pasir

KUALA LUMPUR 23 Nov. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka enam fail siasatan berhubung kes rasuah dan kecurian pasir di Selangor melibatkan anak syarikat kerajaan negeri, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB). Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong berkata, satu daripada fail itu merupakan siasatan umum mengenai KSSB sementara lima lagi melibatkan beberapa individu yang dipercayai terlibat dalam kes tersebut. SPRM, katanya, akan melengkapkan siasatan itu tidak lama lagi sebelum ia diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan lanjut. "Seperti saya maklumkan, dua individu sudah diambil tindakan di mahkamah, tidak payah ulang nama mereka, sebab dah diumumkan dalam surat khabar. "Untuk makluman, apabila siasatan dimulakan oleh SPRM, banyak isu yang perlu dikenal pasti oleh SPRM seperti saksi dan dokumen berkenaan, dan ia juga berkait dengan pasaran (pasir)," katanya ketika menjawab soalan Wee Choo Keong (Bebas-Wangsa Maju) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini. - Bernama

24 November 2010 (Rabu)

Seleweng diesel: Keahlian dibatal, bantuan disekat

KUANTAN 24 Nov. - Nelayan-nelayan yang didapati bersalah melakukan penyelewengan diesel bersubsidi akan dibatalkan keahlian mereka serta-merta dan disekat daripada menerima sebarang bantuan. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, sebelum ini pihaknya turut mengambil beberapa tindakan terhadap nelayan yang menyalahgunakan diesel subsidi yang diberikan kepada mereka. "Kita telah mengambil tindakan seperti menggantung lesen pam minyak dan sekiranya mereka masih melakukan penyelewengan dan didapati bersalah, mereka akan dilucutkan keahlian dan digantung daripada menerima sebarang bentuk bantuan termasuk elaun sara hidup," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Logo Kelulusan Untuk Mengeksport Ikan Dan Hasilan Ikan ke EU (Kesatuan Eropah) bersama Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di sini hari ini.

24 November 2010 (Rabu)

Pembinaan kampus tetap UMK perlu disegerakan

KOTA BHARU 24 Nov. - Pembinaan kampus induk dan cawangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Bachok dan Jeli yang masih belum siap perlu disegerakan untuk membolehkannya beroperasi Julai 2011 bagi menampung pertambahan pelajar universiti berkenaan. Naib Canselor UMK, Prof. Datuk Dr. Zainai Mohamed berkata, kampus sementara universiti itu di Tasman Bendahara, Pengkalan Chepa di sini sudah mencapai tahap maksimum dengan jumlah pelajar seramai 2,000 orang tidak termasuk staf akademik. Malah, jelas beliau, UMK merancang menambah tiga lagi kos baru bermula tahun depan yang secara langsung membawa kepada pertambahan pelajar dan keperluan untuk kedua-dua kampus tetap itu beroperasi amat penting. "Kita akan tambah tiga lagi kos iaitu perbankan Islam, kewangan Islam dan pengurusan peruncitan yang jelas mendokong dan membangun harapan kita melahirkan mahasiswa yang lengkap dengan ilmu keusahawanan. "Kita perlu infrastruktur sebab kampus ini sekarang sudah maksimum malah dengan ada cawangan kita di Padang Tembak kita sudah jadi bertaburan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Kampus UMK di Taman Bendahara telah beroperasi sejak 2007, manakala dua kampus baru itu membabitkan perbelanjaan RM140 juta telah diluluskan Kerajaan Pusat pada September tahun lalu. Pada asalnya, pembinaan kedua-dua kampus itu dijadual siap penghujung tahun ini, bagaimanapun berlaku kelewatan menyebabkan proses pembinaannya terpaksa diteruskan sehingga 2011. Pembinaan kampus UMK di Bachok membabitkan kawasan seluas 232 hektar, manakala di Jeli seluas 80 hektar. Zainal berkata, pembukaan kedua-dua kampus itu kelak membolehkan UMK menampung seramai 3,000 mahasiswa iaitu tambahan melalui pengambilan pelajar tahun depan. "Kita yakin akan dapat capai sasaran ini tahun depan. Bagaimanapun pembangunan fizikal juga perlu bergerak sama seiring dengan pertambahan ini," tegasnya. Sementara itu, katanya, UMK telah menghantar dan membiayai 90 stafnya menyambung pelajaran termasuk di luar negara sebagai persediaan untuk mereka menjadi pensyarah atau kakitangan di universiti tersebut. Tambahnya, ia selaras dengan sasaran UMK untuk membangun dan melahirkan modal insan yang lebih berkualiti.

24 November 2010 (Rabu)

Rencana - Cari pendekatan berkesan bendung penyelewengan subsidi diesel

PENYELEWENGAN diesel subsidi mesti dibendung. Masalah ini serius dan tidak boleh dibiarkan. Subsidi itu adalah hasil wang rakyat yang mana kerajaan memberi bantuan kepada para nelayan tetapi diselewengkan pula. Tindakan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta penguat kuasa yang lain dalam membendung kegiatan penyelewengan dan penyeludupan bahan api bersubsidi itu patut berterusan. Kita tabik hormat atas tindakan pihak berkuasa menahan 19 individu di seluruh negara kerana didakwa terbabit dalam penyelewengan diesel bersubsidi kepada nelayan. Namun kita kecewa kerana penyelewengan ini membabitkan orang dalam persatuan nelayan kawasan yang sepatutnya menjalankan amanah membantu ahli persatuan dan bukan mengaut keuntungan peribadi.

Usaha memerangi penyelewengan diesel ini bukan mudah kerana pihak penguat kuasa terpaksa berdepan dengan orang yang mempunyai pelbagai muslihat untuk mengaburi pihak berkuasa. Mereka melakukan pelbagai cara untuk menyeludup diesel subsidi dan menjualnya kepada pihak industri bagi mengaut keuntungan berlipat kali ganda. Pelbagai modus operandi dikesan termasuk mengubah suai tangki lori minyak, bas, kapal dan bot nelayan semata-mata untuk menyimpan lebih diesel untuk dijual kepada pihak industri. Kalau berdasarkan rekod KPDNKK pada tahun ini, sebanyak 98 kes penyelewengan diesel bersubsidi dikesan dengan melibatkan 706,224.39 liter sitaan dan nilai rampasan sebanyak RM1.7 juta. Penyelewengan diesel subsidi ini pula bukan baru berlaku tahun ini tetapi sejak beberapa tahun lalu. Walaupun pelbagai pendekatan dan peraturan ketat diperkenalkan bagi membendung penyelewengan, tetapi ia masih berlaku.

Kerajaan tidak boleh berputus asa. Pendekatan berkesan perlu dicari. Satu cadangan untuk membanteras kegiatan mereka. Kerajaan hendaklah menawarkan hadiah lumayan kepada orang ramai yang memberi maklumat mengenai penyeludup diesel subsidi. Contohi Jabatan Kastam yang menggunakan kaedah ini untuk menjejaki penyeludup. Ternyata kaedah ini berkesan. Penyelewengan diesel bersubsidi telah menyebabkan kerajaan kita hilang jutaan ringgit pada setiap bulan akibat ketirisan yang dilakukan oleh rakyat kita sendiri. Jumlah subsidi yang diberi oleh kerajaan kepada nelayan bukan sedikit jumlahnya, tetapi ia tidak selari dengan hasil tangkapan ikan yang diperoleh para nelayan kita. Nelayan seharusnya bersyukur kerana menikmati diesel subsidi dan perlu menggunakan sebaik-baiknya untuk turun ke laut. Kerajaan juga memberi insentif untuk meringankan beban mereka, tetapi telah disalah guna.

Sebenarnya, amalan memberi subsidi diesel kepada nelayan atau sektor penerima subsidi bahan api itu tidak lagi dilaksanakan oleh mana- mana negara di dunia. Hanya negara kita sahaja yang masih mengamalkan dasar ini bagi membolehkan rakyat menikmati harga diesel paling rendah di dunia. Jadi penerima diesel subsidi perlu diingatkan supaya tidak menyalahgunakan bantuan yang diberikan oleh kerajaan itu dengan menjualnya bagi meraih keuntungan melalui jalan mudah. Langkah memberi diesel subsidi kepada nelayan membuktikan komitmen kerajaan dalam membela nasib masyarakat nelayan bagi meningkatkan tahap sosioekonomi mereka. Oleh itu hargailah bantuan ini.

26 November 2010 (Jumaat)

Pejabat kerajaan tidak miliki ciri keselamatan

KOTA BHARU 26 Nov. - Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan mengesan segelintir premis lama yang disewa oleh agensi kerajaan negeri dan pusat untuk dijadikan pejabat tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan sepenuhnya. Pegawai Perhubungan Awamnya, Ahmad Fakaruddin Berahim berkata, bangunan berkenaan dikesan menerusi operasi yang dilakukan jabatan tersebut ke atas 50 premis kerajaan termasuk sekolah bermula pada 8 November lalu sehingga semalam. Beliau berkata, menerusi operasi tersebut pihaknya mendapati aspek keselamatan untuk mencegah kebakaran di bangunan terbabit tidak begitu memuaskan dan pihak pengurusan perlu segera melakukan penyelenggaraan secepat mungkin. Katanya, kebanyakan bangunan tersebut tidak diselenggara dengan baik terutama sistem keselamatan kebakaran seperti panel penggera yang tidak berfungsi dan boleh menyebabkan pam gelung hos tidak dapat digunakan.

"Jika sistem itu tidak berfungsi dengan baik terutama membabitkan panel penggera kebakaran, ia boleh menyebabkan keadaan lebih rumit apabila berlaku kebakaran. "Justeru, pihak berkenaan perlu mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan bangunan masing-masing dalam keadaan selamat bagi memastikan tiada kerugian membabitkan harta kerajaan," katanya kepada pemberita selepas melakukan pemeriksaan ke atas sebuah premis kerajaan di sini hari ini. Operasi tersebut melibatkan lapan pegawai Bahagian Keselamatan Kebakaran Bangunan Ibu Pejabat Balai Bomba dan Penyelamat Kelantan. Ahmad Fakaruddin berkata, setakat ini pihaknya tidak mengambil sebarang tindakan terhadap premis kerajaan sebaliknya memberi khidmat nasihat dengan memberi surat cadangan supaya ia dibaik pulih terutama bagi sistem keselamatan kebakaran.

"Sekiranya premis kerajaan dikesan masih berulang tanpa membaik pulihnya, notis akan dikeluarkan dan jika masih gagal boleh dikenakan tindakan mahkamah," ujarinya. Sehubungan itu, katanya, Jabatan Bomba dan Penyelamat mengesyorkan supaya pihak pengurusan premis kerajaan lebih peka dengan membaik pulih sistem keselamatan kebakaran di bangunan masing-masing. Beliau juga tidak menafikan, mungkin ada di kalangan pihak pengurusan premis itu terlepas pandang berkaitan keselamatan kebakaran termasuk stor, pintu rintangan api dan alat pemadam api yang tidak diselenggara dengan baik. Tambahnya, pemeriksaan di premis kerajaan akan dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan sistem berkaitan dalam keadaan baik tanpa sebarang masalah apabila berlaku kebakaran.

27 November 2010 (Sabtu)

Skim perkhidmatan kumpulan paramedik dikaji semula

KOTA KINABALU 27 Nov. – Kementerian Kesihatan bercadang untuk mengkaji semula skim perkhidmatan kumpulan paramedik seperti pembantu pembedahan pergigian dan pembantu perawatan kesihatan, pada tahun depan. Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, selain itu, turut dikaji ialah pewujudan insentif bagi menarik minat anggota kementerian tersebut berkhidmat dengan klinik bergerak 1Malaysia, yang dijangka dilancarkan 9 Disember ini. Bagaimanapun, penetapan gaji untuk penjawat awam yang bertugas di kementerian itu adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam, katanya dalam satu kenyataan hari ini. Beliau mengulas kenyataan pengerusi DAP Sabah, Dr Hiew King Che, yang juga Ahli Parlimen Kota Kinabalu semalam, yang meminta Kementerian Kesihatan mengkaji semula gaji penjawat awam di kementerian itu. Rosnah berkata, pada tahun ini sahaja, lima kajian penambahbaikan skim perkhidmatan telah dipersetujui kerajaan, termasuk jawatan bidan ditawarkan ke skim perkhidmatan jururawat masyarakat dan pembantu hospital rendah ke skim perkhidmatan pembantu tadbir (perkeranian/operasi).

27 November 2010 (Sabtu)

Jawatankuasa bersama banteras penyelewengan diesel

BERA 27 Nov. – Sebuah jawatankuasa bersama membabitkan beberapa kementerian diwujudkan bagi membanteras kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi secara total di negara ini. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, penubuhan jawatankuasa itu membabitkan kementeriannya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pengangkutan, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah dipersetujui pada mesyuarat Kabinet semalam.

Beliau berkata, pihaknya percaya penyelewengan diesel bersubsidi itu bukan hanya berlaku di kalangan nelayan, malah pihak lain yang turut menerima subsidi berkenaan seperti teksi dan bas. "Kerajaan tidak akan berkompromi berhubung isu penyelewengan subsidi diesel ini kerana ia melibatkan wang rakyat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan karnival Kesihatan dan Keselamatan Parlimen Bera di Taman Kerayong Makmur hari ini. Katanya, sebelum ini, setiap tindakan penguatkuasaan dijalankan di peringkat kementerian masing-masing sehingga menyukarkan pemantauan secara menyeluruh. – Bernama

29 November 2010 (Isnin)

UiTM Kampus Tapah beroperasi 27 Disember



Safry Kamal Ahmad (dua dari kiri) menyerahkan replika kunci bangunan UiTM Perak Kampus Tapah kepada Pengarah Pembangunan UiTM, Alias Taib sambil diperhatikan oleh Zainab Mohamed di Tapah, semalam.

TAPAH 29 Nov. - Seramai 450 pelajar akan mencipta sejarah sebagai kumpulan pertama memulakan pengajian di Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) Perak Kampus Tapah yang di jadual beroperasi pada 27 Disember ini. Pengarah Kampus UiTM Perak, Prof. Dr. Ir Zainab Mohamed berkata, buat permulaan, pelajar-pelajar tersebut akan mengikuti kursus-kursus pilihan yang ditawarkan menerusi Fakulti Sains Komputer dan Matematik. "Pelajar-pelajar terbabit, ada yang sebelum ini ditempatkan di kampus induk di Shah Alam dan ada sebahagiannya merupakan pelajar baru. "Mereka akan memulakan minggu orientasi pada 27 Disember ini sebelum memasuki kelas-kelas pengajian pada awal Januari," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Penyerahan Bangunan UiTM Perak Kampus Tapah di sini hari ini. Hadir sama pada majlis itu ialah Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak, Datuk Dr. Ir. Safry Kamal Ahmad dan Pengarah Pembangunan UiTM, Alias Taib. Dalam masa sama, katanya, kewujudan cawangan kampus baru bernilai RM47 juta dengan keluasan hampir 11 hektar itu dilihat mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi membabitkan kawasan di persekitarannya. "Kita melihat, banyak pertumbuhan ekonomi baru membabitkan masyarakat setempat juga dapat dijana berikutan kewujudan kampus ini. "Perancangan kita ialah mahu menjadikan UiTM Perak Kampus Tapah dikenali sebagai kampus ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) memandangkan kepentingan dan perkembangan semasa yang ditekankan di bidang ini," katanya. Beliau berharap, kampus baru tersebut mampu berperanan sebagai pusat ilmu dan penyelidikan yang mampu menyumbang kepada kemajuan serta kesejahteraan rakyat dan negara.

2 Disember 2010 (Khamis)

Subsidi diesel diseragamkan elak penyelewengan

KUALA LUMPUR 2 Dis. - Kerajaan akan menimbang kemungkinan untuk menyeragamkan harga diesel yang diberi bantuan subsidi bagi mengelakkan berlakunya lagi kes-kes penyelewengan di negara ini. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, langkah tersebut dilihat relevan bagi memastikan bantuan subsidi tidak disalahgunakan pihak tidak bertanggungjawab ekoran perbezaan harga diesel yang ditetapkan mengikut sektor. "Kita bercadang nak lihat semula dari segi sistem subsidi diesel kerana ia berbeza-beza... sekarang ada harga industri, pam minyak, nelayan dan pengangkutan.

"Melalui jawatankuasa bersepadu yang ditubuhkan, kita akan mengkaji secara menyeluruh cadangan untuk penyeragaman harga diesel kerana dengan adanya satu harga tetap, maka pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini tidak akan menyeleweng dengan menjual kepada pihak lain," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat berhubung isu penyelewengan diesel di sini hari ini, yang turut dihadiri oleh wakil dari beberapa kementerian dan agensi berkaitan bagi membincangkan secara mendalam isu penyelewengan diesel yang semakin berleluasa di negara ini. Minggu lepas, Kabinet bersetuju agar dua jawatankuasa bersepadu diketuai oleh Ismail Sabri ditubuhkan bagi tujuan penilaian dan pengkajian khusus melibatkan isu pembahagian kuota penerima diesel, sistem penyampaian serta penguatkuasaan. – Bernama.

4 Disember 2010 (Sabtu)

10,000 liter diesel subsidi dirampas

Oleh RANIA PARAN utusan@utusan.com.my

MIRI 4 Dis. - Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Sarawak berjaya mematahkan cubaan menyeludup diesel subsidi apabila merampas 10,000 liter bahan api itu bernilai RM13,000 dari sebuah stesen minyak di Jalan Pujut-Miri di sini hari ini. Pengarahnya, Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman ketika dihubungi memberitahu, diesel berkenaan disimpan di dalam enam tong deram besar dan diletakkan di belakang stesen minyak itu sebelum dihantar ke ladang-ladang di luar daerah ini. "Berdasarkan maklumat awal yang kita terima, diesel bersubsidi yang dirampas itu dipercayai untuk diseludup dan dihantar ke ladang-ladang di luar kawasan Miri. "Minyak diesel itu dipercayai dipam ke dalam tong deram berkenaan dari stesen minyak terbabit memandangkan semasa pemeriksaan dilakukan, terdapat sambungan saluran hos dari stesen minyak ke tong-tong tersebut," katanya. Wan Ahmad Uzir berkata, kesemua diesel tersebut dirampas dan pihaknya melakukan siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961. Katanya, sabit kesalahan denda RM100,000 bagi kesalahan pertama dikenakan terhadap individu manakala diikuti RM250,000 untuk kesalahan kedua," jelasnya. Bagi kesalahan yang dilakukan oleh syarikat jelasnya, denda RM250,000 dikenakan bagi kesalahan pertama diikuti RM500,000 bagi kesalahan kedua.

6 Disember 2010 (Isnin)

Kerajaan Selangor tawar beli semua syarikat konsesi air

SHAH ALAM 6 Dis. - Kerajaan negeri akan mengemukakan permohonan tawaran terbuka untuk membeli keempat-empat konsesi utama bagi melaksanakan program penstrukturan semula industri bekalan air di Selangor dalam masa tiga minggu daripada sekarang. Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid berkata, ia dilakukan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pada 3 Disember yang membenarkan kerajaan negeri membeli kesemua konsesi tersebut. "Ekoran itu kita akan mengemukakan tawaran terbuka mengikut syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti bagi tujuan pembelian dalam tempoh dua atau tiga minggu lagi. "Antara kandungan tawaran itu nanti ialah tawaran-tawaran daripada kerajaan negeri serta perkara yang mesti dipersetujui bersama dengan syarikat-syarikat konsesi air," ujarnya kepada pemberita di sini hari ini. Empat pemegang konsesi utama dalam industri air di Selangor adalah Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd., (Syabas), Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB), Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor Sdn. Bhd., (Splash) and Konsortium ABASS. Abdul Khalid menambah, pihaknya juga akan memaklumkan kepada kementerian berkenaan mengenai usaha untuk membeli syarikat-syarikat konsesi itu serta pendirian kerajaan negeri berhubung isu air. - Utusan

15 Disember 2010 (Rabu)

Pasukan pemantau ditubuh elak kegiatan curi pasir

KUALA TERENGGANU 15 Dis. - Bagi mengelak kegiatan curi pasir berlaku seperti di Selangor, kerajaan negeri telah menubuhkan satu pasukan pemantau. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Usahawan Dan Koperasi negeri, Datuk Mohamed Awang Tera berkata, pasukan itu diketuai oleh Pejabat Tanah dan Galian. Beliau memberitahu sidang Dewan Undangan Negeri, pasukan berkenaan turut dianggotai oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pentadbir-pentadbir tanah. Katanya, pada masa ini kes pelanggaran syarat lesen dan kecurian pasir di negeri ini adalah kecil bilangannya namun langkah awal perlu diambil.

Beliau menyatakan demikian ketika menjawab soalan lisan dan tambahan yang dikemukakan **Abdul Wahid Endut (Pas-Wakaf Mempelam)**. Menurut Mohamed, kerajaan negeri tidak meluluskan lesen dengan mudah dan jumlah yang dikeluarkan setiap tahun tidak melebihi 100. "Ia akan dinilai semula setiap dua tahun di segi keberkesanannya," jelasnya. Katanya, kerajaan negeri mengutip hasil sebanyak RM5.012 juta daripada pengambilan pasir di negeri ini dalam tempoh tiga tahun lalu.

16 Disember 2010 (Khamis)

Harga getah cecah paras tertinggi RM14.13 sekilogram

KUALA LUMPUR 16 Dis. - Harga getah di pasaran kini mencecah RM14.13 sen sekilogram dan dijangka kekal pada paras tertinggi sehingga pertengahan tahun depan. Pengerusi RISDA, Tan Sri Rahim Tamby Chik berkata, harga itu merupakan yang tertinggi pernah dicapai dalam sejarah industri getah di Malaysia. "Peningkatan itu berlaku ekoran permintaan yang tinggi dari seluruh dunia akibat perubahan cuaca dan musim di negara-negara pengeluaran getah lain seperti China, Vietnam dan Thailand," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Penasihat Gagasan Ekonomi Melayu (Gabem) di sini hari ini. Sehubungan itu, beliau menyarankan para penoreh getah di seluruh negara agar mengambil kesempatan tersebut dan meningkatkan produktiviti bagi mendapat keuntungan yang lebih lumayan. "Keuntungan yang diperolehi hari ini membolehkan penoreh getah membeli baja untuk penggunaan pada masa hadapan. "Penoreh getah digalakkan untuk menoreh getah pada sebelah petang bagi mengoptimumkan hasil kerana sebelum ini mereka hanya menoreh pada waktu pagi," katanya.

Harga getah di pasaran dunia kini mencatatkan sejarah baru kerana mencecah RM14 sekilogram berbanding RM4 sekilogram lima tahun lalu. Dalam pada itu, Abdul Rahim menasihatkan 350,000 penoreh getah di seluruh negara menjual hasil getah mereka kepada RISDA yang menawarkan harga antara RM6 hingga RM7 sekilogram. "Jangan jual hasil getah kepada orang tengah kerana harga tawaran mereka adalah lebih rendah daripada RISDA," katanya. Tambahnya, orang tengah biasanya memberi alasan seperti terlalu banyak air di dalam kandungan getah bertujuan merendahkan harga tawaran demi kepentingan diri sendiri. "Justeru itu, para penoreh getah dinasihatkan menjual hasil getah yang kurang daripada 25 tan kepada RISDA dan hasil yang melebihi 25 tan boleh menjual terus kepada kilang," katanya. Pada masa sama, Abdul Rahim juga memberitahu, RISDA akan menambahkan bilangan depot pembelian getah dan pusat timbang dan stor (PTS) di seluruh negara sebagai satu langkah untuk membasmi orang tengah yang mengaut keuntungan daripada penoreh getah.

19 Disember 2010 (Ahad)

PLUS: Kerajaan jimat hampir RM2 bilion

KUALA LUMPUR 19 Dis. - Kerajaan dijangka mampu menjimat sebanyak hampir RM2 bilion untuk lima tahun akan datang berikutan keputusan menswastakan PLUS Expressway Bhd. (PLUS) melalui tawaran bersama oleh UEM Group dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan mengambilalih kesemua aset dan liabiliti PLUS, kata seorang ahli perbankan pelaburan yang mengetahui tentang urus niaga itu. Beliau yang enggan dikenali berkata, ketika jentera pelaburan (SPV) bersedia untuk mengambil alih aset dan liabiliti PLUS serta cuba mendapatkan pengecualian cukai sebanyak RM2.25 bilion (purata RM450 juta cukai setiap tahun untuk tempoh lima tahun), kerajaan sebaliknya pula akan dikecualikan daripada membayar pampasan sebanyak RM4.25 bilion yang perlu dibayar dengan kadar purata lebih kurang RM850 juta setahun untuk lima tahun akan datang. "Ia merupakan satu langkah bijak oleh kerajaan kerana ini bermakna kerajaan berjaya menjimatkan sebanyak RM2 bilion (RM4.25 bilion ditolak RM2.25 bilion) untuk tempoh yang sama walaupun dengan pembekuan kenaikan tol yang diumumkan baru-baru ini," kata beliau.

Keputusan untuk menswastakan PLUS telah dilaksanakan susulan pembentangan Bajet 2011 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, apabila beliau mengumumkan pembekuan kenaikan tol di empat lebuh raya milik PLUS untuk tempoh lima tahun akan datang. Para penganalisa dan pakar ekonomi lain juga mengalu-alukan perjanjian itu yang dianggap dirancang dengan teliti serta memberi manfaat kepada rakyat menerusi pembekuan kenaikan tol dan jumlah pemilikan yang lebih besar oleh KWSP yang akan diterjemahkan kepada pembayaran dividen kepada 12 juta ahli mereka. Menurut mereka lagi, memandangkan polisi fiskal yang semakin ketat, kerajaan tidak boleh lagi menggunakan formula konsesi sedia ada di mana kerajaan perlu berbelanja besar untuk membayar pampasan kepada pemegang konsesi setiap tahun. "Pemilik-pemilik baru PLUS perlu merunding semula perjanjian konsesi asal kerana kerajaan telah mengatakan bahawa ia tidak akan membayar sebarang pampasan," kata Zakie Ahmad Shariff, Ketua Eksekutif FA Securities. Walaubagaimana pun, Zakie turut berkata, walaupun ia memberi kerajaan peluang mengubah konsesi tol yang dilihat sebagai berat sebelah, kerajaan juga akan mengambil pendekatan bertolak ansur dengan 'para pemegang konsesi baru' kerana mereka juga berkait rapat dengan kerajaan.

Para pemerhati industri juga memuji langkah tersebut sebagai meletakkan aset strategik (jalan raya, lapangan terbang dan pelabuhan) di dalam tangan kerajaan, tetapi ia memerlukan kebijaksanaan supaya manfaat yang diterima dapat dirasakan oleh rakyat. Ia sememangnya menguntungkan sekiranya kesemua manfaat daripada kemudahan awam disalurkan kepada segmen populasi terbesar. Ini secara langsung memastikan keyakinan dan sokongan daripada rakyat," kata Ketua Ekonomi RAM Holdings Bhd, Dr. Yeah Kim Leng. Walaupun terdapat rasional yang baik untuk pengambilalihan oleh SPV tersebut, Yeah turut berkata: "Kenaikan kadar tol yang tersedia ada dan pampasan oleh kerajaan telah menjadi sangat tidak popular dan tidak mampan kepada pengguna lebuh raya, kerajaan dan juga ekonomi secara amnya kerana ia memberi kesan negatif terhadap kos hidup dan menjalankan perniagaan. "Sebarang perjanjian baru yang tidak akan merugikan pemegang saham sedia ada, adalah merupakan satu situasi menang-menang untuk rakyat dan juga kerajaan." Mesyuarat Agung Luar Biasa PLUS Expressways Bhd. akan diadakan pada 23 Disember ini bagi mempertimbangkan tawaran bersama oleh UEM Group dan KWSP bagi mengambilalih kesemua saham dan liabiliti PLUS. Dua bulan lepas, PLUS telah mengumumkan bahawa ia telah menerima satu tawaran bersama dari pemegang saham utama, UEM Group dan KWSP bagi mengambilalih kesemua aset dan liabiliti kumpulan tersebut pada harga RM23 bilion atau RM4.60 sesaham. Kedua-dua pihak kemudian akan membentuk satu SPV yang akan ditubuhkan antara UEM Group dan KWSP bagi mengendalikan perjanjian tersebut atas asas nisbah 51:49. Kemudian itu, kesemua aset dan liabiliti PLUS akan dipindahkan ke SPV tersebut.

Sebagai pihak yang berkepentingan dalam transaksi tersebut, Khazanah Nasional, UEM Group dan KWSP tidak akan mengundi untuk tawaran bersama itu kerana mereka memegang 67.5 peratus daripada jumlah keseluruhan saham PLUS. Tawaran itu akan diterima sekiranya terdapat bilangan majoriti daripada 32.55 peratus pemegang saham selebihnya mengundi untuk tawaran tersebut.

22 Disember 2010 (Rabu)

Pembiayaan kewangan RM1.29 trilion

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD dan WAN NAJIB WAN DAUD pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 22 Dis. – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sektor perbankan di negara ini berpeluang memperoleh potensi pembiayaan kewangan bernilai RM1.29 trilion. Beliau berkata, ia adalah hasil perkembangan pesat aktiviti ekonomi domestik melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dicetuskan oleh kerajaan. “Sektor perbankan perlu merebut peluang ini kerana lebih 90 peratus projek akan dilaksanakan oleh pihak swasta. Saya yakin jika peluang-peluang ini diambil sepenuhnya ia bakal memberi faedah yang besar kepada pertumbuhan sektor ini. “Tidak dapat disangkal lagi perkembangan pesat ekonomi negara mampu memberi kesan positif kepada sektor perbankan di Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam gala Maybank sempena ulang tahun bank itu yang ke-50 di sini malam ini. Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor, Pengerusi Maybank, Tan Sri Megat Zaharuddin Megat Mohd. Nor dan Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif Maybank, Datuk Seri Abdul Wahid Omar. Dalam majlis malam ini Perdana Menteri turut melancarkan arca Segerak 1Malaysia. Perdana Menteri berkata, selain potensi pembiayaan, sektor perbankan juga berpeluang meningkatkan pendapatan masing-masing melalui perkhidmatan kewangan yang merupakan salah satu bidang ekonomi utama di dalam 10 projek permulaan (EPP). “Melaluinya, sektor perbankan boleh terlibat dalam pelbagai bidang antaranya pasaran bon, insurans, pencen peribadi, pengurusan aset serta kewangan Islam,” katanya. Sementara itu, beliau mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Maybank atas keupayaannya memberi perkhidmatan kepada rakyat negara ini.

25 Disember 2010 (Sabtu)

191,262 ingkar bayar pinjaman PTPTN

Oleh M. SHAHRINNAHAR ABD. LATIB nahar.latib@utusan.com.my

KUALA KRAU 25 Dis. - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hanya menerima bayaran balik pinjaman RM2.1 bilion berbanding RM5 bilion yang sepatutnya diterima sehingga bulan lalu. Pengerusinya, Datuk Ismail Mohamed Said berkata, RM2.9 bilion lagi gagal dikutip daripada 191,262 peminjam yang telah tamat pengajian. “Pembayaran secara sukarela oleh peminjam tidak berkesan apabila 191,262 daripada keseluruhan peminjam tidak pernah membayar balik pinjaman,” katanya. Beliau ditemui selepas majlis penganugerahan pakaian dan beg sekolah, meraikan pelajar cemerlang dan miskin peringkat Parlimen Kuala Krau di sini semalam. Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jenderak, Datuk Mohamed Jaafar dan ADUN Kerdau, Datuk Zaharuddin Abu Kassim.

Ismail yang juga Ahli Parlimen Kuala Krau kesal dengan tindakan segelintir peminjam terbabit yang liat untuk membayar balik pinjaman. Sehubungan itu, tegasnya, mulai Jun tahun depan, semua peminjam PTPTN akan diwajibkan membayar balik pinjaman secara potongan gaji bagi menangani masalah hutang tertunggak. "PTPTN akan membentangkan cadangan meminda Akta PTPTN 1997 berhubung perkara itu di Parlimen selewat-lewatnya awal tahun depan," katanya. Ismail memberitahu, PTPTN telah membelanjakan RM37 bilion untuk memberi pinjaman kepada 1.7 juta pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) sejak 13 tahun lalu. "Bagaimanapun daripada keseluruhan pelajar yang mendapat pinjaman itu hanya 77 peratus yang membayar balik selepas mereka menghabiskan pengajian di IPT," katanya.